



DR 11 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)


- KEMENTERIAN PERTANIAN DAN ASAS TANI (MoA)

- BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK) DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN ASAS TANI (MoA) DAN BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)	1-9
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	10-11
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN BANK PERTANIAN
MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
(MoA)**

1. PENDAHULUAN

Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) merupakan sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan isu tersebut pada 26 Oktober 2016 iaitu dalam prosiding bilangan 21/2016.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas

Tani (MoA) bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut bertujuan:

- Memastikan program Kerajaan yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan;
- Tiada pembaziran dan penyelewengan berlaku dalam pelaksanaan program Kerajaan;
- Memastikan syarikat kerajaan memaksimumkan pulangan kerajaan dalam syarikat sama ada dari segi pulangan kewangan atau penyampaian perkhidmatan; dan
- Mengesyorkan tindakan yang perlu diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Pengarah Sektor Audit Persekutuan selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Agrobank termasuklah KSU MoA serta Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank; dan
- Menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1. Bank Pertanian Malaysia telah dikorporatkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan atas nama Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB).

BPMB ditubuhkan melalui Rang Undang-Undang BPMB 2007 yang diluluskan pada 19 Disember 2007 dan bagi mempertingkatkan imej korporat, BPMB dijenamakan dengan nama komersialnya sebagai Agrobank.

Ia adalah sebuah bank milik Kerajaan berstatus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Modal dibenarkan berjumlah RM2 bilion manakala modal berbayar berjumlah RM1 bilion.

Bagaimanapun, dasar pembiayaan bagi sektor pertanian adalah berpandukan polisi yang ditetapkan oleh MoA. Agrobank adalah sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan yang menyeluruh di 190 cawangan meliputi 14 negeri di Malaysia.

- 4.2. Objektif penubuhan Agrobank antaranya adalah bagi menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan dengan fokus kepada sektor pertanian; meningkat dan menggalakkan pembiayaan pertanian oleh sektor perbankan komersial; menjadi salah satu ejen bagi program pembangunan pertanian Kerajaan; menjadi pusat kepakaran pertanian dan menyediakan penarafan kredit pertanian. Jumlah pembiayaan terkumpul termasuk untuk sektor pertanian Agrobank sehingga Disember 2014 adalah berjumlah RM6.814 bilion.

4.3. Aktiviti utama Agrobank adalah menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu, usahawan agro, usahawan mikro, kecil dan sederhana serta individu persendirian yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN DALAM PROSIDING PAC PARLIMEN

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu ini oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terbabit dengan isu dibangkitkan daripada MoA iaitu Datuk Seri Dr Ismail bin Bakar, KSU dan Dato' Wan Mohd Fadzmi b Wan Othman, CEO Agrobank dipanggil di hadapan PAC Parlimen bagi memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Wakil Ketua Audit Negara

Wakil Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah Pengurusan Agrobank yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2, pada 23 November 2015.

Antara penemuan JAN yang dibangkitkan terhadap pengauditan Pengurusan Agrobank adalah seperti berikut:

i. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Agrobank gagal mencapai KPI yang ditetapkan oleh MKD dalam tahun 2012 dan 2013. Agrobank hanya berjaya mencapai KPI dalam tahun 2014 pada kadar 91.9%.

ii. Prestasi Dana Pembiayaan Deposit

Sumber Dana Pembiayaan Deposit tidak mencapai sasaran. Pada tahun 2012, sasaran adalah berjumlah RM8.5 bilion tetapi pencapaian cuma RM6.9 bilion. Pada tahun 2013, sasaran berjumlah RM8.2 bilion tetapi pencapaian cuma RM6.4 bilion manakala pada tahun 2014, sasaran berjumlah RM7.13 bilion tetapi hanya mencapai RM6.73 bilion.

iii. Pendapatan Fi Tidak Mencapai Sasaran

Pendapatan fi terdiri daripada pendapatan aktiviti pembiayaan, Ar-Rahnu dan pendapatan perbankan. Pendapatan fi ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi 3 tahun berturut-turut walaupun sasaran yang diluluskan bagi tahun 2013 dan 2014 telah dikurangkan masing-masing berjumlah RM5 juta (2.8%) dan RM60 juta (34%).

Terdapat penurunan pencapaian jumlah pendapatan fi berbanding yang disasarkan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM17.5 juta, RM79.24 juta dan RM51.26 juta.

Manakala, Ar-Rahnu mencatatkan penurunan pencapaian yang amat ketara pada tahun 2013 berjumlah RM66.52 juta (57%) berbanding tahun 2012 dan seterusnya menurun kepada RM24.16 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, pencapaian pendapatan fi aktiviti pembiayaan telah meningkat pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM4.28 juta berbanding tahun 2012.

iv. Hapus Kira

Hapus kira berfungsi untuk menguruskan segala aktiviti pemulihan pembiayaan yang telah terjejas secara berkesan bagi mengurangkan pembiayaan terjejas. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 terdapat empat (4) kes pembiayaan di bawah penyelesaian penuh dan terakhir yang berjumlah RM700,000 telah dihapus kira.

5.2. Penjelasan KSU MoA

Datuk Seri Dr. Ismail menerangkan bahawa secara umumnya, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkuasa mengarahkan dari masa ke semasa kepada Lembaga Pengarah Agrobank berhubung dasar pertanian. Arahan berkenaan perlulah dipatuhi oleh Agrobank dan Lembaga Pengarah Bank.

Seterusnya KSU MoA menerangkan tentang pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Agrobank.

i. Kadar Pertumbuhan Tahunan Pembiayaan (*Financing Annual Growth Rate*)

Kadar berkenaan telah meningkat sebanyak 13.4% kepada RM8.4 bilion kesan daripada pelaksanaan sistem perbankan 100% patuh syariah yang diperkenalkan mulai Julai 2015.

ii. Pembiayaan Aktiviti Pertanian Utama (*Primary Agriculture Financing*)

Pembiayaan peringkat pengeluaran (*upstream*) telah berkembang sebanyak 12.1% kepada RM5.059 bilion sehingga September 2016.

iii. Pegangan Pasaran (*Market Share*) Pembiayaan Sektor Pertanian

Pegangan pasaran oleh Agrobank dalam memberi pembiayaan kepada sektor pertanian mencapai ke paras 26.5% dan ianya meletakkan Agrobank di tempat ketiga teratas daripada segi pembiayaan kepada segmen *agrofood* dalam semua sektor perbankan negara.

iv. Komposisi Aktiviti Pertanian Utama Kepada Industri Berasaskan Pertanian

Komposisi ini telah mencapai kepada 91:9 iaitu 91% untuk Aktiviti Pertanian Utama dan 9% untuk Industri Berasaskan Pertanian (perkilangan dan aktiviti perkilangan). Pembiayaan kepada Industri Berasaskan Pertanian telah meningkat kepada RM518 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM168 juta atau 48.2%.

v. Komposisi Pembiayaan Yang Dimandatkan dan Pembiayaan Yang Tidak Dimandatkan (*Composition of Mandate to Non-Mandated Financing*)

Pembiayaan yang dimandatkan adalah aktiviti utama (*core business*) yang sepatutnya dibuat oleh Agrobank dalam bentuk pembiayaan kepada segmen *agrofood* negara. Agrobank telah mencapai nisbah 70:30 yang ditetapkan oleh Bank Negara. Nisbah berkenaan menetapkan pembiayaan hendaklah 70 peratus diberikan kepada pengeluaran langsung pertanian dan 30 peratus kepada aktiviti pemprosesan selain daripada aktiviti pertanian.

vi. Pembiayaan Kepada Industri Kecil Dan Sederhana (SME)

Agrobank telah memberi pembiayaan sebanyak RM3.380 bilion kepada syarikat-syarikat SME, iaitu sebanyak 40.7% daripada jumlah pembiayaan Agrobank.

5.3. Penjelasan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank

Dato' Wan Mohd Fadzmi, CEO Agrobank menjelaskan kepada PAC Parlimen perkara berikut:

i. Sumber Kewangan

86% atau RM7.2 bilion sumber dana Agrobank diperolehi daripada deposit pelanggan dalam bentuk simpanan, simpanan tetap dan e-Akaun Semasa.

Manakala sumber kewangan dari Kerajaan cuma RM1.1 bilion atau 14%. Sumber Kerajaan ini adalah pinjaman dan perlu dibayar semula mulai tahun 2019.

ii. Dividen Kepada Kerajaan

Agrobank juga telah mula membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah hampir RM150 juta.

iii. Perbankan Ajen (*Agent Banking*)

Agrobank dengan kerjasama agensi-agensi di bawah MoA telah membuka 284 *AgroAgent* bagi memperluaskan perkhidmatan perbankan ke kawasan-kawasan luar bandar.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 21/2016 pada Rabu 26 Oktober 2016**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan, PAC Parlimen berpuas hati dengan pencapaian Agrobank dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan, dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu, usahawan agro, usahawan mikro, kecil dan sederhana serta individu persendirian yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara.

Selain itu, pendekatan Agrobank yang memperkenalkan AgroAgent bagi memperluaskan perkhidmatan perbankan ke kawasan luar bandar perlu diberikan pujian. Namun begitu, bilangan AgroAgent masih kecil di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung.

PAC Parlimen juga mengambil maklum bahawa Agrobank tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan sejak tahun 2012. Sehubungan itu PAC Parlimen berpendapat sumber kewangan yang diterima oleh Agrobank dari Kerajaan sebanyak RM1.152 bilion dalam bentuk pinjaman adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan pinjaman oleh golongan petani dan masyarakat luar bandar.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut:

- 7.1. Bilangan cawangan Agrobank dan *AgroAgent* ditambah terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan lebih ramai golongan petani yang tinggal di kawasan luar bandar mendapat perkhidmatan perbankan; dan

- 7.2. Agrobank perlu terus memberi tumpuan untuk membantu golongan petani bagi membangunkan sektor pertanian negara walaupun pihak Agrobank tidak lagi menerima geran dari Kerajaan tanpa mengabaikan kepentingan pendeposit.
- 7.3 Kerajaan perlu meneruskan pemberian geran kepada Agrobank bagi membantu petani dan pengusaha pertanian untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 21/2016 pada Rabu 26 Oktober 2016**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 21/2016 PADA RABU 26 OKTOBER 2016
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN
SEMENTARA PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
26 OKTOBER 2016 (Rabu) 11.00 pagi	Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK)	1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2. Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK)

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 21/2016 pada Rabu 26 Oktober 2016**

Bil. 21

**Rabu
26 Oktober 2016**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad
(AGROBANK)**

- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 26 OKTOBER 2016**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Haffiz bin Hashim [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Sharul Nizam bin Sabaree [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Baharuddin bin Marjuki [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Siti Zulaikha binti Hasan [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen & Kabinet)]

Puan Khalimatus Saadiah binti Mohd Khalid [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Komersial)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Juliana binti Saleh [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Siti Nur Amini binti Mohd Amin [Ketua Penolong Pengarah (Seksyen Pertanian)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar [Ketua Setiausaha]

Encik Mohd Sallehuddin bin Hassan [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)]

Puan Habshah binti Ali [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)]

Encik Mohamad bin Abdullah [Setiausaha Bahagian Kewangan]

Puan Khairolin binti Ismail [Ketua Penolong Setiausaha PIEB]

Encik Mohd Taquiuddin bin Zakaria [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]

~~Encik Mohamad Taufik bin Zakaria [Ketua Jabatan Perancangan Korporat dan Strategik]~~

Encik Rezuoi bin Abdullah [Ketua Audit Dalam]

Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK)

YBhg. Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman [President & CEO]

Encik Subri Md Noh [Senior Vice President]

Encik Muslim bin Husain [Senior Executive Vice President]

Encik Hasrul Farid [Chief Internal Audit]

Puan Masaat binti Awadz [Acting Chief Finance Officer]

Encik Mohamad Taufik bin Zakaria [Ketua Jabatan Perancangan Korporat dan Strategik]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Rabu, 26 Oktober 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.10 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari Jabatan Audit, wakil-wakil jabatan. Terima kasihlah dapat hadir pada hari ini untuk kita meneruskan prosiding kita pada hari ini. Hari ini kita memanggil Bank Pertanian untuk kita meneruskan prosiding kitalah. Sebelum itu kita minta Jabatan Audit dahulu ya, *briefing*. Silakan.

11.14 pg.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi PAC serta Ahli-ahli Yang Berhormat PAC serta pegawai-pegawai dari MoF, JPA, Jabatan Akauntan Negara dan EPU. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua. Pada mesyuarat pada pagi ini sebagaimana yang telah dinyatakan akan membincangkan berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, Tahun 2014 berkaitan dengan pengurusan Bank Pertanian Malaysia (Agrobank).

Untuk makluman semua, dalam melaksanakan pengauditan prestasi kita, kita Jabatan Audit Negara ada juga menjalankan pengauditan ke atas syarikat-syarikat kerajaan. Ini bermaksud semua syarikat yang di mana kerajaan mempunyai kepentingan lebih daripada 51 peratus dan syarikat-syarikat tersebut telah digazetkan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara- akan diaudit oleh Jabatan Audit Negaralah.

Sehingga kini, terdapat 1,708 syarikat yang telah digazetkan yang akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa. Itu secara perintah lain dan ia berbeza daripada pengauditan atau aktiviti yang lain sebagaimana yang kita laporkan sebelum inilah. Ini di mana daripada segi syarikat-syarikat ini untuk makluman, semuanya daripada segi pengauditan akaunnya, ia dijalankan oleh syarikat-syarikat auditan swasta. Akan tetapi daripada segi aktiviti apa, itu yang kita laksanakan. Oleh sebab itu, sehingga sekarang melalui warta yang dikeluarkan pada tahun 2013 ada 1,708 syarikat yang boleh diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Apa maksud yang boleh? Makna kalau tidak gazet tidak bolehlah ya?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Kuasa menggazet itu...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kerajaanlah.

Tuan Pengerusi: Kerajaan putuskanlah?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya. Dia akan melalui warta.

Tuan Pengerusi: Macam Petronas?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Petronas tidak ada dalam senarai tersebut.

Tuan Pengerusi: Khazanah?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Khazanah, anak-anak syarikatnya.

Tuan Pengerusi: Anak-anak syarikatnya lah. Kalau *public listed company*?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: *Public listed company* tidak termasuk dalam...

Tuan Pengerusi: Kalau kerajaan gazetkan? Kalau kerajaan memberi kepentingan yang besar melalui...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak. Atas arahan. Contoh, kita buat kata atas arahan kerajaan, kita buat KLIA2. Itu walaupun *public listed company*, kita- KLIA yang kita buat itu, walaupun itu kita buat atas arahan.

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen & Kabinet), Kementerian Kewangan]: Itu *based on project*, bukan...

Tuan Pengerusi: *Based on project*. Kalau bank memang tidak pernah ya?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Bank, yalah memang Bank Pertanian...

Tuan Pengerusi: Bank swasta. Bank swasta.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Swasta tidak ada.

Tuan Pengerusi: Yang kerajaan ada kepentingan.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak ada.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Memang tidak pernah, melainkan ada terlibat dengan kes-kes yang tertentu lah ya. *In general* tidak ada ya. Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Akan tetapi satu lagi, tadi kata kalau mana yang 51 peratus daripada pegangan ekuiti kerajaanlah, jadi maknanya semua agensi ini kena audit dua kali? Satunya audit swasta...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: *No, no*. Maksud audit ini, boleh audit. Akan tetapi untuk pengauditan akaun, semua syarikat ini diaudit oleh syarikat swasta. Audit daripada segi penyata kewangan. Kita ada jenis audit. Audit penyata kewangan, untuk mengesahkan sijil penyata kewangan itu, itu biar audit swasta. Akan tetapi audit ini, kita menjalankan audit aktiviti, daripada segi tatacara pengurusan dia. Itu sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Adakah dia tertakluk kepada semua pekeliling...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak. Dia tidak tertakluk. Dia ada peraturan sendiri.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Saya? Abdul Rashid Yaakub.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Datuk Lt. Kol. (K) Anwari sudah bersara.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Anwari Suri sudah bersara. Sudah bersara. Okey.

Bank Pertanian kalau kita ini nama asalnya 'Bank Pertanian' dan sekarang mulai tahun 2007~~8~~, telah ditukarkan kepada Agrobank. Modal dibenarkan melalui syarikat adalah RM2 bilion dan modal berbayarnya adalah RM1 bilion yang mempunyai 190 cawangan yang meliputi 14 negerilah.

Objektif Agrobank untuk menyediakan perkhidmatan kewangan perbankan fokus kepada pertanian, meningkatkan dan menggalakkan pembiayaan pertanian di sektor perbankan komersil dan juga menjadi pusat kepakaran pertanian dan menyediakan penarafan kredit pertanian. So jumlah pembiayaan sehingga- adalah RM6.18 bilion. So pengauditan yang kita jalankan untuk aktiviti syarikat ini, kita tumpu kepada tiga perkara.

Satu, berkaitan dengan prestasi kewangan.

Kedua, daripada segi pengurusan aktiviti yang dilaksanakan.

Dan yang ketiga, daripada segi pengurusan kewangan ataupun tadbir urus.

Untuk makluman, Penyata Kewangan ini diaudit oleh syarikat swasta. Kita hanya menjalankan pengauditan aktiviti dan juga kita *just* menilai daripada segi Penyata Kewangan yang disediakan, kita membuat analisis-*analisis* inilah sebagaimana yang dinyatakan.

So untuk tiga aktiviti itu, saya hanya bentang dua perkara. Berkaitan dengan pengurusan kewangan dan tadbir urus itu tidak ada isu yang material, yang kita temui yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebutlah.

So untuk makluman, pengauditan analisis penyata kewangan ini kita laksanakan terhadap Penyata Kewangan yang beraudit tahun 2011 hingga tahun 2013. Juga untuk aktiviti itu, kita tengok aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014.

Bagi prestasi kewangan, apa yang kita lihat di sini pertama, penurunan keuntungan kasar. Kita lihat daripada RM552.55 juta turun kepada RM518.23 juta, dan turun lagi kepada RM504.90 juta. *That's mean* penurunan daripada tahun 2011, tahun 2012 dan tahun 2013.

Kita juga dapati penurunan daripada fi yang diperoleh. Tahun 2012 daripada RM25.56 juta berbanding dengan- hilang angka tersebut- oh, penurunan sebanyak RM25.56 juta berbanding tahun sebelumnya. Juga daripada segi perbelanjaan syarikat, tahun 2012 berjumlah RM368.28 juta berbanding tahun 2011 sebanyak RM310 juta. Juga aliran tunai keluar tinggi daripada aktiviti pelaburan akibat daripada penjualan saham CIMB.

Ini yang saya terangkan tadi. Keuntungan kasarnya menurun dari tahun 2011, tahun 2012 dan tahun 2013 iaitu daripada RM552 juta, RM518 juta dan RM504 juta. Itu secara keseluruhan bagi prestasi Penyata Kewangan.

Pertamanya kita hendak lihat daripada segi analisis nisbah. Kita ada menjalankan analisis nisbah terhadap lima perkara. Pertama berkenaan analisis nisbah semasa iaitu kita lihat dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Analisis semasa ini adalah keupayaan aset semasa untuk membiayai liabiliti semasa syarikat. So kalau kita tengok di sini, daripada 1.38 kepada 1.50, ia adalah prestasi yang bertambah baiklah. Kalau kita tengok nisbahnya semakin besar. Kalau nisbah lebih daripada satu itu adalah menunjukkan keadaan yang baiklah. So lagi besar lebih baik.

■1120

Analisis kedua, dari segi margin keuntungan bersih. Ini kurang baik. Kalau kita lihat di sini, margin keuntungan bersih bermaksud nisbah mengukur setiap Ringgit pendapatan berbanding dengan perbelanjaan operasi iaitu kita lihat, dari segi jumlah pendapatan dengan jumlah untung selepas faedah dan pelarasan cukailah. So kalau kita tengok tahun 2011, daripada 0.57, 0.40 dan keadaan yang menurunlah.

Ketiga dari segi *average financing rate*, iaitu mengukur kadar pinjaman yang dikenakan ke atas peminjam. Itu keadaan yang bertambah baik iaitu menurun. Semakin rendah semakin baiklah iaitu 8.40, 8.36 dan 8.27...

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak *average*, Bank Negara.

Encik Sharul Nizam bin Sabaree [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]: Kalau ikutkan, kalau Bank Negara dia tidak ada standard sebab bank ini ia tidak ada *compare* dengan komersial punya *rate* lah. Akan tetapi kalau komersial punya *rate*, ia lebih rendah daripada lima.

Tuan Pengerusi: Rendah daripada lima.

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sebenarnya kita dalam hal ini- Agrobank ini, kita tidak boleh *compare 100 percent* dengan *commercial bank* kerana dalam pelaksanaan dia ada perkara yang dia *do's and don't* yang dia tidak boleh laksanakan. Dia ada sekatan kerana dia macam memenuhi, dia kena jaga pertanian sahaja...

Tuan Pengerusi: Ia buku cek, cek macam mana, tidak ada? Buku cek tidak ada?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Dia tidak ada. Akan tetapi sekarang ini dengan ada sistem *online* nya- tapi nantilah boleh tanya dia, bila dia masuk nanti.

Keempat, *average cost of fund* pun kalau kita lihat bertambah baik daripada- *cost of fund* ini kadar mengukur kadar kos yang diperolehi bagi mendapatkan dana pembiayaan.

Kelima, *gross impaired loan* iaitu mengukur kadar pinjaman terjejas syarikat. Itu pun dalam keadaan kalau kita tengok senarionya bertambah baiklah.

Keduanya adalah berkaitan dengan aliran tunai...

Tuan Pengerusi: *Bad debt* dia ada tidak, *bad debt*?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: *Back debt* ada, nanti kita jumpa.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Bawah aliran tunai, pada tahun 2012 dan 2013, berlaku defisit dalam aktiviti operasi berjumlah RM900.18 juta, dan RM297 juta masing-masing, manakala tahun 2014 pula berlaku peningkatan aliran tunai ya.

Keduanya, pada akhir tahun 2014, Agrobank mempunyai tunai bersamaan tunai berjumlah RM1.27 bilion, dan RM1.30 bilion yang terdiri daripada baki tunai di tangan dan juga di bank, deposit dan keuntungan.

Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan yang tinggi pada tahun 2012, berjumlah RM1.807 bilion disebabkan oleh penambahan sekuriti pelaburan dan juga seterusnya pendapatan sekuriti pelaburan tersebut meningkat sejumlah RM59.98 juta dari RM59.06 juta pada tahun 2012 kepada RM119.04 juta pada tahun 2012. Ini yang saya sebut tadi akibat termasuk daripada pendapatan, daripada jualan saham CIMB.

So next. Bawah "Pengurusan Aktiviti" ya. Kita ada empat isu yang kita bangkitkan. Pertama, berkaitan dengan pencapaian KPI. *So* satu yang kita bangkitkan pada tahun 2012, di mana Agrobank tidak berjaya mencapai sasaran keseluruhan KPI sebagaimana yang ditetapkan oleh MKD. Cuma tahun 2014, ia hanya mencapai 91.9 peratus. Itu dari segi pencapaian KPI...

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya?

Tuan Pengerusi: Tahun 2015 tidak tahu?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kita *based on audited account*. Tahun 2012 pada masa kita buat itu dia tidak itu lagi. *So* kalau untuk ini saya dimaklumkan 2015 dan 2016 dia ada bertambah baik. Nanti rasanya bank- pihak Agrobank akan membentangkan status lah.

Keduanya, berkaitan dengan prestasi dana pembiayaan iaitu perbandingan dan pencapaian sumber dana pembiayaan. Apa yang disasarkan dan apa yang dicapailah untuk tempoh itulah.

So kalau kita tengok sini untuk- saya ambil satu contoh, pada tahun- deposit sasarannya RM8.5 bilion, pencapaian RM6.9 bilion.

Sama juga tahun 2015. Sasaran RM8.2 bilion, pencapaian RM6.4 bilion, dan meningkat sedikit pada tahun 2014, RM7.13 bilion, kepada RM6.73 bilionlah.

Ketiga...

Tuan Pengerusi: Ini ada *ratio* tidak, swasta dengan kerajaan?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada ya. Maknanya kalau swasta itu maknanya kita *level of confident* lah, kalau kerajaan ini...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kita tidak buat perbandingan dengan swasta.

Tuan Pengerusi: Kita boleh tanyalah dengan dia.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Boleh tanya dia.

Seterusnya, bawah pendapatan fi pun kita dapati ia tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tiga tahun berturut-turut walaupun sasaran yang lulus pada tahun 2014 telah pun dikurangkan.

Maksudnya, dikurangkan sasaran pun masih tidak dapat mencapai. Penurunan jumlah pendapatan fi berbanding dengan yang disasarkan pada tahun 2012, 2013 dan 2014, berjumlah RM17.5 juta, RM79.24 juta dan juga RM51.26 juta masing-masing.

Ar-Rahnu mencatat penurunan pencapaian ketara pada tahun 2013 berjumlah RM66.5 juta berbanding dengan tahun 2012 sebanyak RM24.16 juta pada tahun 2014. Yang meningkat adalah pembiayaan iaitu meningkat daripada segi sebanyak RM4.28 juta berbanding tahun sebelum itulah. Itu *table* kalau kita hendak tengok.

Keempat yang Tuan Pengerusi tanya, berkaitan dengan hapus kira. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, terdapat empat kes pembiayaan di bawah penyelesaian, dan yang terakhir berjumlah RM0.07 juta lah. Jumlah yang dihapus kira.

Tuan Pengerusi: Hapus kira. *Bad debt* ini.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ha. Walaupun ia dihapus kira dalam penyata, tetapi usaha-usaha untuk mengutipnya masih...

Tuan Pengerusi: *Ratio* berapa, *bad debt* ini?... Tidak ada? *Bad debt ratio* atau kes *loan*?

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ini Tuan Pengerusi, 9.96 lah pada tahun 2013.

Tuan Pengerusi: Ya?

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Analisis nisbah tersebut *gross impaired loan*, *bad debt ratio* pada slaid awal itu ada satu analisis nisbah...

■1130

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya, dari sudut nisbah, inilah nisbahnya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya, betul.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Dengan jumlah sehingga Disember 2014, sebanyak 631.68 juta.... *[Disampuk]* Juta, juta.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya, betul. Dalam 4 ke bawahlah. Itu pun sudah tinggi kalau 4.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Okey, kalau untuk pinjaman ini, ia ada korporat, komersial dengan yang mikrolah... *[Disampuk]* Ya, pun ada juga. Cuma kalau saya boleh *explain*, di mana pembiayaan korporat ini antara yang menyumbang tertinggillah sebanyak RM309 juta, kemudian komersial RM245 juta...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Dalam laporan ada Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: So, itu sahaja secara kasarnya isu-isu yang telah kita laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan sebenarnya, macam saya katakan mula-mula tadi, tidak ada isu yang material sangat berkaitan dengan itu. Kemungkinan pihak Yang Berhormat boleh tanya CEO dan KSU Pertanian nanti, status terkini isu-isu yang telah kita bangkitkan tadi.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya, ia berlaku- dipanggil penipuanlah, sebanyak dalam amaun RM70 juta di mana emas itu di dalamnya ada *something* macam *tungsten*.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ia salut.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Sadur, ya.

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Jumlah yang terlibat itu dalam RM70 juta.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Maksudnya, Ar-Rahnu ini dia simpan, had dia simpan itu dia ambil duit, kan. Duit yang diambil itu dia pakai tidak, pergi tebus dah. Bila hendak jual, hendak dapat balik duit yang itu tadi, itu yang baru dia *discover*.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau kita kira RM70 juta *is a lot of money*. Kalau kita pergi ke pajak gadai, pajak gadai biasa, dia campak benda pun dia tahu emas atau tidak. Macam mana Ar-Rahnu tidak boleh *verify, which is not supposed to be...*

Tuan Pengerusi: Ini orang dalamlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Oh!

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Dia ada- kalau saya dahulu, dia ada sejenis asid, dia letak itu, kalau hilang itu *that means* bukan emaslah. Ada jenis asidnya.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya, orang sudah...

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...Sebagai *commercial bank*, bukan?

Seorang Ahli: ...Bank Negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sebagai *commercial bank* ataupun hanya bank tani sahaja.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Adakah Bank Pertanian ini macam lain-lain *commercial bank*, maknanya di mana kita boleh buat deposit, kita boleh buat menyimpan, boleh?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...*You can always go and open your account.* Kalau kita dibenarkan buat deposit, kita boleh buka akaun.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

11.39 pg.

[Saksi dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Bank Pertanian Malaysia (Agrobank) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

■1140

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Seorang Ahli: *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian; Encik Mohd Sallehuddin bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha; Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman, Presiden dan CEO Agrobank; Puan Habshah binti Ali- ada? Puan Habshah binti Ali, Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan; Dr. Hanisah binti Husin, Setiausaha Bahagian- Dr. Hanisah mana? Tidak datang, tidak ada? Okey. Encik Mohamad bin Abdullah, Setiausaha Bahagian Kewangan; Pegawai-pegawai, *Senior Vice President* daripada Agrobank; dan Pegawai-pegawai dari Kementerian Pertanian.

Terlebih dahulu bagi pihak PAC, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Pertanian dan juga Agrobank yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Ismail, kementerian yang bertanggungjawab berhubung dengan Bank Pertanian.

Bank Pertanian adalah di antara bank yang digazetkan sebagai bank yang perlu diaudit oleh *Auditor General* dan sudah pasti perkara rutin untuk melihat prestasi kewangan, pencapaian, kemajuan, prestasi kewangan yang mengandungi untung rugi, *bad debt*, nisbah, *average finance rate*, aliran wang tunai dan perkara-perkara yang telah diaudit dan perkara-perkara perkembangan semasa.

Saya percaya di akhir-akhir ini, Bank Pertanian juga telah menghadapi perubahan. Hasil daripada dasar-dasar kerajaan dan juga undang-undang baru yang dibentangkan di Parlimen.

Dulunya Bank Pertanian di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian tetapi bila Bank Negara, undang-undang digubal semula, Bank Pertanian bertanggungjawab untuk membuat laporan kepada Bank Negara. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang sedang dilihat daripada segi prestasi untuk supaya matlamat asal Bank Pertanian ini ditubuhkan tidak lari iaitu untuk menolong, membantu pertumbuhan sektor pertanian, sebagai sektor terpenting dalam negara kita, dan juga untuk melihat bagaimana sektor ini, bank ini memainkan peranan.

Sudah pasti kita tidak menyamakan Bank Pertanian dengan bank komersial. Akan tetapi, KPI dan standard-standard tentu harus dipatuhi bagi memenuhi keperluan seperti yang saya katakan tadi-pembangunan ekonomi dalam khususnya sektor pertanian dan sektor-sektor yang ada hubung kait dengan pertanian.

Jadi, tanpa melengahkan masa, saya persilakanlah Bank Pertanian untuk memberi taklimat pada kita. Terima kasih.

11.44 pg.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar [Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi; Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara- Yang Berhormat-Yang Berhormat; Dato.

Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara- PAC bagi Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas, Bilangan 21, Tahun 2016.

Perkara pertama, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk menjawab beberapa soalan demi kebaikan perjalanan Agrobank dalam membantu meningkatkan komoditi pengeluaran makanan negara dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Akta Agrobank sebenarnya adalah terletak di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad (Pindaan) 2008, di mana seksyen 12 menyatakan bahawa, kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani adalah memberi arahan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani boleh daripada semasa ke semasa memberi arahan kepada Lembaga berkenaan iaitu Lembaga- *Board of Directors* Agrobank dan Bank Pertanian berkenaan dengan dasar pertanian yang hendaklah diikuti oleh bank, dan Lembaga hendaklah mematuhi arahan tersebut.

Dalam hubungan ini, penetapan dasar yang ditetapkan oleh kementerian berkaitan, ataupun memfokuskan kepada hal-hal mengenai industri dan komoditi yang sedang dan akan dibangunkan mengikut dasar yang berkuat kuasa daripada semasa ke semasa.

Seperti sekarang contohnya, fokus semasa kementerian adalah mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import dengan membangunkan industri jagung bijirin, serta industri lembu tenusu dan daging. Ini merupakan dasar semasa kerajaan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Dasar Pertanian Negara semasa iaitu Dasar Agromakanan Negara yang akan berakhir pada tahun 2020. Dalam hubungan ini, di sinilah peranan penting Agrobank untuk membantu daripada segi pembiayaan kepada industri-industri ataupun pemain-pemain industri kita sama ada di peringkat *upstream* ataupun *downstream* dalam meningkatkan nilai pengeluaran pertanian dan produktiviti dan nilai pengeluaran makanan negara.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar: Belum lagi. Mukadimah dahulu. Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Agrobank telah menyusun beberapa strategi dalam melaksanakan inisiatif untuk mengukuhkan perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Di antaranya adalah melaksanakan sistem perbankan 100 peratus syariah *compliance* ataupun patuh syariah. Penurunan kadar semasa *non-performing financing* ataupun NPF hampir separuh daripada tahun sebelumnya.

Sebagaimana kita lihat di sini... [Merujuk kepada slaid] Ini menunjukkan *growth- financing growth* oleh Bank Pertanian yang meningkat daripada- kita tengok daripada tahun 2011, RM5.9 bilion sekarang sudah RM8.4 bilion iaitu apabila kita melaksanakan *syariah compliance* itu pada Julai 2015. Kita meningkat pembiayaan kita sampai RM8.4 bilion itu. Satu bilion dalam tempoh lebih kurang sembilan bulan. Sembilan bulan tahun 2016 ini telah meningkat daripada RM8.4 bilion ataupun 13.4 peratus. Ini merupakan pencapaian yang sangat drastik bagi Agrobank di mana telah dapat memenangi hati rakyat dalam segi *financing* pada sektor Agromakanan Negara.

Next, saya juga ingin maklumkan mengenai tadi perkara *box* satu- saya sudah sentuh mengenai perkara dalam *box* dua iaitu *Primary Agriculture Financing* ataupun pembiayaan aktiviti pertanian di peringkat *upstream* iaitu peringkat pengeluaran yang berkembang sebanyak 12.1 peratus sehingga September 2016. Ini juga merupakan satu pencapaian yang amat memberangsangkan kepada Agrobank.

Seterusnya, yang *box* ketiga ini adalah *market share* kita berbanding dengan semua bank yang memberikan pembiayaan kepada sektor pertanian iaitu 26.5 peratus daripada keseluruhan *market share*. Iaitu pihak Agrobank terletak pada kedudukan yang ketiga teratas daripada segi *financing* kepada *agrofood segment* dalam semua sektor perbankan negara.

Keempat, mengenai komposisi antara *primary agriculture* kepada *agro-based* kita telah mencapai 91 peratus berbanding dengan sembilan iaitu 91 peratus untuk *primary agriculture* dan 9 peratus untuk *agro-based*.

■1150

Apa yang dimaksudkan 9 ini adalah *ratio* nya iaitu 9 ini adalah *agro-based industry* iaitu perkilangan, aktiviti-aktiviti perkilangan. Di sinilah kita memberikan tumpuan sebab kita akan menaikkan aktiviti hiliran industri pertanian seperti pengeluaran barang-barang makanan yang diproses. Pada 91 peratus itu adalah pengeluaran di peringkat *upstream* yang juga meliputi perladangan kelapa sawit, getah dan sebagainya.

Seterusnya *box* kelima yang di atas sebelah kanan, mengenai *mandated* dan *non-mandated performance* daripada segi pembiayaan. Apa yang dimaksudkan di sini *mandated* itu *core business* yang sepatutnya dibuat oleh Agrobank dalam bentuk pembiayaan kepada *agrofood* yang perlu dibiayai oleh Agrobank.

Dalam kes ini, Bank Negara telah menetapkan bahawa *ratio* nya 70:30 iaitu 70 peratus yang melibatkan *direct* pengeluaran pertanian, dan 30 peratus berkaitan dengan aktiviti pemprosesan selain daripada aktiviti pertanian iaitu sebanyak 30 peratus. Dalam kes ini, kita mencapai melebihi daripada 7 peratus.

So, ini pencapaian yang amat menggalakkan kepada Agrobank dan dalam sudut pembiayaan kepada SME, syarikat-syarikat SME kita telah mencapai 40.7 peratus daripada jumlah pembiayaan kita.

So, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menjemput CEO untuk membentangkan *ratio-ratio* kita bagi menunjukkan pencapaian Agrobank setakat ini dalam membantu sektor pengeluaran makanan negara. Silakan Dato'.

11.52 pg.

Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman [President & CEO Agrobank]: Terima kasih, Datuk Seri. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC seterusnya pihak pengurusan daripada Kementerian Pertanian dan juga daripada Agrobank, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya akan- *next slide please*. Ini status *financial* Agrobank setakat September iaitu operasi sembilan bulan yang paling *current*. Akaun ini masih tidak diaudit *until the end of the year*. So, kalau dilihat daripada segi *top left portion* itu, dari segi kita punya *deposit balance* kita. So RM8.3 bilion iaitu kenaikan sebanyak 21.6 peratus. Keuntungan sebelum dengan cukai, dan zakat setakat sembilan bulan belum diaudit lagi RM108.22 juta, ataupun 9.5 peratus *above budget*, dan disasarkan untuk tahun ini bajet kita adalah RM179.18 juta *for 12 months*.

The next one modal shareholder atau pemegang saham ada *quite* iaitu RM2.6 bilion daripada segi *ratio*-nya pula *core capital ratio* 24.66 peratus, iaitu lebih daripada *statutory minimum* perbankan iaitu 8 peratus sahaja. So, maknanya keadaan modal Agrobank ini adalah kuat dan disasarkan menjadi lebih mantap lagi sekiranya kita langsung kita punya aktiviti pembiayaan dan perkhidmatan kewangan dan juga *risk-weighted capital ratio*, satu lagi *ratio*- lagi kuat, 29.45 peratus.

Daripada segi pulangan atas aset kita, sembilan bulan 0.89 peratus, dan dijangkakan untuk 12 bulan akan capai 1.28 peratus. Ini adalah *inline* dengan *banking industry*. Secara amnya, *banking industry*- ROA antara 1.2 peratus dan 1.6 peratus.

Seterusnya, *return on equity*- kita sudah sampai tahap 4.63 peratus dan dijangkakan untuk 12 bulan akan sampai kepada 6.69 peratus.

Akhir sekali ini *ratio* untuk *efficiency cost to income ratio*, menunjukkan peningkatan. Kalau dilihat penurunan, itu maknanya peningkatan 60 peratus daripada 63.28 peratus pada akhir tahun lepas, dan ini dalam jangkaan bajet bank.

Ini *ratio* adalah amat penting untuk *every bank* iaitu kita punya *asset quality*. Jadi kalau dilihat Yang Berhormat tahun 2011, *asset quality* ataupun *NPF ratio* kita *double digit* iaitu 13.8 peratus dan tiap-tiap tahun menurun dan dari segi *up to September*, 5.8 peratus yang rendah serendah-rendahnya dan dibandingkan dengan DFI-DFI lain, antara yang terendah untuk satu bank seperti Agrobank ini yang banyak memberi pembiayaan kepada sektor pertanian yang pada amnya risiko tinggi berbanding dengan sektor-sektor lain. So, 5.8 peratus itu maknanya kita jangka *stable* dan mungkin juga menurun *as we go towards the end of the year*.

Seterusnya, hendak memberi sedikit *graphic* daripada segi sumber-sumber kewangan ataupun *sources of fund*. Jadi kalau dilihat kebergantungan Agrobank kepada sumber kerajaan sebenarnya tidak tinggi.

Kalau dilihat persepsi, mungkin Agrobank banyak bergantung kepada dana kerajaan tapi sebenarnya tidak. Sebanyak 86 peratus daripada sumber dana kita daripada deposit pelanggan iaitu akaun simpanan, akaun *fixed deposit*, dan *e-current account*.

So, daripada segi *sustainability* kita, dari segi *liquidity*, kita adalah mantap. Ini pun kita amat bernasib baik disebabkan *we have branches*, cawangan-cawangan kita yang boleh mengumpul deposit. So, buat masa ini, *ratio* nya 86 peratus ataupun RM7.2 bilion berbanding dengan ~~denarana~~ kerajaan yang hanya RM1.1 bilion ataupun 14 peratus.

Satu lagi saya hendak *mention* bahawa dana kerajaan ini walaupun RM 1.1 bilion, kebanyakan dalam bentuk *borrowing* ataupun pinjaman, bukan geran. Jadi perlu dibayar balik dan akan mula pada tahun 2019.

Next one...

Datuk Seri Dr. Ismali bin Haji Bakar: Satu lagi Yang Berhormat, Bank Pertanian telah mula membayar dividen. Sehingga kini, Agrobank telah membayar sebanyak hampir RM150 juta dividen kepada kerajaan.

Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman: Okey, *slide* ini memberi sedikit gambaran kepada Ahli PAC berkenaan dengan agenda *financial inclusion*. Inilah salah satu inisiatif Bank Negara untuk memberi perkhidmatan perbankan kepada golongan luar, *what we term as, unserved and underserved*. Jadi salah satu model yang kita pakai yang *maybe*, Yang Berhormat tahu *agent banking*. Dalam Malaysia ini kira yang aktifnya Bank Simpanan Nasional dan Agrobank.

Bank Simpanan Nasional *of course* banyak *outlet*-nya, pasal dia banyak bagi kepada kedai, minyak *and what not*. Namun Agrobank kita ambil langkah yang agak unik. *What we called is structured*, di mana kita *we work corporate* dengan MEOA melalui Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membuka DPPK. Jadi *as of a latest figures* kita lebih daripada 284 *AgroAgent* di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, dan kalau dilihat di bawah itu NAFAS – 152; FAMA – 51; MADA – 11; NEKMAT – 22; KADA-13; FELCRA masih satu, KPDNKK melalui kedai TUKAR – 30; FELDA – 3 dengan KKLW ini satu sahaja sebab mini RTC, satu. Seluruhnya 284 dan kita dalam proses untuk membuka 83 lagi *AgroAgent* dalam dua, tiga bulan lagi, *insya-Allah*. So lebih daripada 300 lah. So, itu dari segi *AgroAgent*.

Yang kedua, kita pun ada *come out* dengan produk yang inovatif umpamanya *micro financing* untuk OKU. Kita ini salah satu bank saya rasa- mungkin satu bank sahaja di Malaysia ini yang ada produk khas untuk OKU. Kita *launch early* tahun ini. *Alhamdulillah* lah. Kalau dilihat daripada segi *approval rate*, sudah 70 kita bagi. Walaupun *amount* ini tidak banyak. Pasal ini *micro* tapi dalam *three quarters over million, average financing size* dalam RM10,000 ke RM20,000 sahaja.

Nombor tiga...

Tuan Pengerusi: Agen ini apa fungsi nya ?

Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman: Sebenarnya Yang Berhormat, kalau ikut normal model, kita pakai cawangan. Maknanya kalau hendak buat perbankan kena pergi cawangan tapi memandangkan kos hendak *set up* cawangan ini *as an expensive* dengan CAPEX, OPEX nya.

■1200

So, ini adalah elektronik. Maknanya kalau Yang Berhormat tengok ada gambar itu, dia punya *outlet*, dia punya mesin itu, mesin ini RM2,000 sahaja. Dengan mesin ini, dan dengan kad Agrobank, maknanya ejen itu boleh proses *receive cash, payout cash and do top-up reload for kad telefon*. So, *basic banking services. Easy to setup, easy to roll out. Then we provide that level of service especially di tempat-tempat yang memang tidak ada bank ataupun kalau dia hendak pergi ke bank pun dia kena pergi mungkin 30 kilometer, atau 50 kilometer. Ini kita tengok di Semenanjung ini tidak berapa ketara. Kalau dia pergi ke Sabah dan Sarawak ini, memang acceptance level it very good.*

Tuan Pengerusi: Kalau kita tengok Kelantan itu, *very high numbers of AgroAgent. Maybe nature of business.*

Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman: Yes.

Tuan Pengerusi: Dia lebih. Campur Sabah dengan Sarawak, Kelantan lagi banyak. Lebih kurang sama.

Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman: KadarADA sahaja *because* kita, macam saya *mentioned* tadi Yang Berhormat, kita *tied-up* dengan MoA. MoA melalui agensi-agensinya, khusus MADA dan KADA. PPK itu memang kita ada MoU di mana kita akan buka di setiap PPK. Itu kita punya *target* dan juga nelayan juga. So Kelantan ini, satu faktor *because* kawasan padi. So, PPK di sana, kalau dilihat, *even* Kedah ini, fasal kita belum *fully roll out* lagi. Akan tetapi itulah saya *mentioned* tadi, 83 ejen dalam proses untuk dibuka *by end of the year*.

